

Dr M gembira projek diteruskan

BH-27/1/2006

KUALA LUMPUR: Keputusan Malaysia meneruskan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor sebagai laluan penghubung dengan Singapura adalah berita yang menggembirakan, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Ya, saya gembira kerana akhirnya keputusan mengenainya dibuat dan jambatan itu pasti cantik apabila siap kelak... indah dipandang,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan majalah pendidikan *Edusmith* di sini, semalam.

Dr Mahathir sempat berseloroh dengan pemberita apabila merujuk jambatan itu sebagai ‘cynic’ (sinis) apabila diberitahu gelarannya ditukar daripada jambatan bengkok (crooked bridge) kepada jambatan indah (scenic bridge).

Akhbar semalam melaporkan, Malaysia akan meneruskan rancangan untuk membina jambatan baru merentasi Selat Johor bagi menggantikan Tambak Johor selepas cuti Tahun Baru Cina ini.

Laporan itu yang memetik sumber

menyebut, kerajaan enggan menunggu pendirian Singapura berhubung perkara berkenaan kerana penangguhan pelaksanaannya menjejaskan potensi pertumbuhan ekonomi Johor.

Malah, konsortium yang dilantik

“ Saya menunggu 22 tahun belum juga dapat persetujuan menaikkan (harga air kepada republik itu, jadi kalau nak tunggu (Singapura buat keputusan), anda perlu tunggu hingga kiamat”

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

sebagai peneraju projek berkenaan, Gerbang Perdana Sdn Bhd (GPSB), sudah menempatkan kren di penampakan jambatan itu di tengah Tambak Johor.

Mengenai tindakan Singapura yang belum memberi kata putus mengenai pembinaan jambatan itu, Dr Mahathir secara berkias berkata, tiada gunanya menunggu negara jiran itu membuat keputusan.

“Saya menunggu 22 tahun dan belum juga mendapat kebenaran menaikkan (harga bekalan air mentah kepada republik itu) daripada tiga sen kepada empat sen (untuk setiap 1,000 gelen).

“Jadi, kalau nak tunggu (Singapura membuat keputusan), anda perlu menunggu sehingga hari kiamat,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata pembinaan Gerbang Perdana yang menghubungkan Malaysia dan Singapura adalah tanda fizikal kekukuhan hubungan antara kedua-dua negara.

Beliau yang juga Menteri Pelaja-

ran berkata, pembinaan jambatan moden itu selari pendirian Kerajaan Pusat sebelum ini untuk meneruskan cadangan itu tanpa menunggu persetujuan daripada Singapura.

Bagaimanapun, katanya, hubungan antara dua negara yang sangat dekat secara fizikal itu perlu sentiasa di peringkat sekalipun tanpa jambatan terbabit dengan memupuk semangat berkenaan di kalangan generasi muda.

“Pembinaan jambatan ini adalah tanda fizikal tetapi yang lebih penting hubungan ikhlas dan jujur antara manusia dengan manusia di dua negara berjiran,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet kementerianya di Putrajaya, semalam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed, pula berkata Unit Perancang Ekonomi (EPU) tidak dimaklumkan mengenai keputusan meneruskan projek pembinaan Gerbang Perdana setakat ini.

“EPU tidak mengetahui mengenai cadangan berkenaan setakat ini, katanya di pejabatnya, semalam.

LEADERSHIP
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA